

KONSEP SASTERA ISLAM MENGIKUT NASR EL-DIN IBRAHIM AHMED HUSSEIN

(The concept of Islamic literature by Nasr el-Din Ibrahim Ahmed Hussein)

Oleh: Prof Madya Dr. Adli Yaacob¹

Abstrak

Kajian ini mengestrak konsep sastera Islam yang digagaskan oleh Nasr El-din Ibrahim Ahmed Hussein.² Kekuatan konsep yang dibawa oleh Nasr El-din ini ialah penumpuan terhadap “Islamisasi ilmu pengetahuan”, terutamanya dalam bidang kesusasteraan arab, selari dengan kerjaya beliau sebagai seorang ahli akademik yang sangat memprioritikan nilai-nilai Islam dalam setiap proses pengajaran dan pembelajaran. Beliau amat menekankan keterikatan antara kesusasteraan Islam dan tauhid sebagai teras perbahasan konsep ini. Beliau percaya, bahawa hasil karya sastera yang baik dan telus itu bermula dari jiwa (unsur dalaman) yang bersih, jiwa akan menjadi bersih apabila terhias padanya aqidah (kepercayaan) yang benar dan sejahtera. Sastera merupakan salah satu penghubung untuk menggambarkan perasaan secara natura yang dialami manusia. Berpandukan agama akan menjadikan seorang sasterawan itu berkarya dalam ruang lingkup kebaikan bagi mencapai tujuan asal iaitu Tuhan. Begitulah kedua-dua unsur aqidah dan sastera ini saling berkait. Kajian ini secara umumnya meneliti dan memperhalusi kritikan dan pandangan beliau untuk dijadikan panduan mengkoreksi dan menambah nilai cabang kesusasteraan Islam masa kini supaya difahami selari dengan kemurnian matlamatnya.

Kata kunci: *Konsep sastera, Sastera Islam, Islamisasi ilmu pengetahuan, pengetahuan moden, pertentangan wahyu dan akal, Hubungan sastera dan tauhid.*

Abstract

¹ Beliau merupakan Profesor Madya di Fakulti Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa.

² Prof Dr Nasr El-din Ibrahim Ahmed Hussein ialah seorang ahli akademik, tokoh pemikir kelahiran Khartoum, Sudan yang menyumbang bakti di Malaysia sejak lebih dua dekad lalu. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Kaherah, Mesir. Sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana, beliau terlebih dahulu mengambil Diploma pendidikan dalam bidang Linguistik Bahasa Arab di tanah kelahiran beliau, Sudan. Seterusnya, melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dalam bidang yang sama, Bahasa Arab dengan pengkhususan Pengajian Retorik Islam di Universiti Khartoum, Sudan. Menyambung pelajaran ke peringkat tertinggi, akhirnya pada tahun 1985 beliau mula menyangand gelaran ‘Doktor Falsafah’ apabila Berjaya menyempurnakan pengajian PhD dalam bidang Bahasa Arab, masih di university yang sama. Khidmat beliau di Malaysia bermula sejak tahun 1990 sebagai pensyarah dalam bidang Sastera Arab , Kritikan & Pengajian Retorik. Beliau memegang gelaran Timbalan Dekan bermula tahun 2003 sehingga 2011. Terkini, beliau dikenal sebagai Prof Dr Nasr El-Din, berkhidmat sebagai pensyarah dalam bidang Kesusasteraan Bahasa Arab, merangkap Ketua Jabatan Bahasa Arab & Kesusasteraan di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak, Selangor, Malaysia (UIAM).

This study discusses the concept of Islamic literature organized by Nasr El-din Ibrahim Ahmed Hussein³. The strength of the concept brought by Nasr El-din is to focus on "Islamization of knowledge", especially in the field of Arabic literature, in line with his career as a scholar who highly emphasizes the Islamic values in every teaching and learning processes. He strongly emphasized the link between Islamic literature and tauhid as the core for his concept. He believes that the good literary work begins from a pure (inner) soul, thus, the soul becomes clean as it is decorated with a true and prosperous faith. Literary is a medium to describe the natural feelings experienced by humans being. Religion will direct a person's literary work in the scope of goodness in order to achieve purpose of God. Therefore, the elements of the aqidah and the literature are interconnected. This study generally examines and refines his criticisms and views as a guidance to enhance value to the current Islamic literature in order to be understood in line with the purity of their goals.

Keywords: *Literature concept, Islamic literature, Islamization of science, modern knowledge, conflict of revelation and intellect, Literary and monotheistic relationship.*

Pendahuluan

Nasr El-din Ibrahim Ahmed Hussein seorang ahli intelek kelahiran Sudan yang giat berkecimpung dalam bidang kesusasteraan arab. Walaupun tidak tergolong dalam golongan sasterawan dan penyair, sumbangan beliau begitu mapan sekali apabila beliau tampil dengan tulisan-tulisan segar yang memberi nafas baru kepada kesusasteraan Islam. Tulisan-tulisan beliau itu kemudiannya dinaskhahkan menjadi bahan bacaan teras kepada beberapa subjek bidang pengajian Bahasa Arab di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak. Salah satu buku yang memuatkan pendapat atau pemahamannya mengenai kesusasteraan Islam berjudul; (الأدب الإسلامي: دراسة نظرية وتطبيقية).

PENGERTIAN & PEMBENTUKAN ISTILAH KESUSASTERAAN ISLAM⁴

Konsep kesusasteraan Islam ini didefinisikan sebagai salah satu jenis sastera yang bersifat tinggi, mulia dan berbentuk global. Sastera jenis ini berasaskan kebenaran, pemerhatian yang mendalam, pemikiran yang tersusun, khayal yang seimbang, makna –

³ Prof. Dr. Nasr El-din Ibrahim Ahmed Hussein is a scholar, a Khartoum-born thinker, Sudan who has contributed to the service in Malaysia for over two decades. He earned his Bachelor of Arabic Degree in Cairo University, Egypt. Prior to his pursuit of Master's degree, he first took an Arabic Diploma in Arabic Linguistics in his homeland, Sudan. After that, he pursuing Masters degree in the same field, Arabic Languages specializing in Islamic Rhetorical Studies at Khartoum University, Sudan. He continued to the highest level of education, eventually in 1985 he began to take the title of 'Doctor of Philosophy' when Berjaya completed his PhD studies in Arabic, still at the same university. His service in Malaysia began in 1990 as a lecturer in the field of Arabic Literature, Criticism & Rhetorical Studies. He holds the title of Deputy Dean from 2003 until 2011. Recently, he was known as Prof. Dr. Nasr El-Din, serve as a lecturer in the Arabic Language Literature, ex Head of Department of Arabic & Literature at International Islamic University, Gombak, Selangor, Malaysia (UIAM).

⁴ Nasr el Din Ibrahim Ahmad Husein, 2008 (A), **Al adab al Islami: Dirasah wa Nazariah wa Tatbiq**, International Islamic University Press: Kuala Lumpur, pp 68-76.

makna yang mendalam, gaya bahasa yang menarik berlandaskan ajaran agama Islam dan seumpama dengannya.

Menurut Nasr El-Din, makna sebenar kesusasteraan Islam itu sebenarnya sangat mendalam, sukar untuk dijelaskan dan dibincangkan secara umum. Justeru, beliau telah mengklasifikasikan maksud kesusasteraan Islam kepada beberapa bahagian;

1. Memperbaiki bidang kesusasteraan
2. Membentuk metodologi kesusasteraan Islam berbentuk pendidikan
3. Memperkukuh pegangan sasterawan Islam terhadap agama
4. Mengglobalisasi kesusasteraan Islam
5. Mencapai keharmonian antara aqidah, pancaindera dan kesusasteraan
6. Melindungi nilai-nilai Islam dalam kesusasteraan
7. Menentang kejahilan dan kepercayaan kepada khurafat
8. Menentang gerakan memerangi bahasa Arab, bahasa Al-Quran

Nasr El-din menyangkal pendapat sesetengah pihak yang mendakwa bahawa kesusasteraan Islam ini telah menyempitkan kesusasteraan arab itu sendiri, bahkan melemahkan budaya Arab. Hal ini demikian kerana kesusasteraan itu bersifat umum, manakala kesusasteraan Arab lebih bersifat khusus, berlawanan dengan konsep kesusasteraan Islam yang merupakan satu cabang kesenian yang bercirikan nilai-nilai Islam di dalamnya.

Nasr El-din menyangkal pendapat sesetengah sasterawan yang mengatakan kesusasteraan Islam ini telah menyempitkan kesusasteraan arab itu sendiri ekoran kerana kesusasteraan itu bersifat umum, manakala kesusasteraan Arab lebih bersifat khusus.

Namun begitu, masih terdapat kemusykilan berkenaan pengertian istilah yang tepat dari segi kesusasteraan Islam, yang seterusnya membawa kita untuk menekuni beberapa istilah lain yang berkait rapat dengan kesusasteraan Islam itu sendiri. Antaranya ialah:

1. Kesusasteraan Muslim

Nasr El-din menegaskan bahawa kita tidak boleh mengklasifikasikan hasil karya itu sama ada ia bersifat Islamik atau tidak hanya bersandarkan kepada penulis itu sahaja.

2. Kesusasteraan dalam berdakwah

Dinyatakan bahawa kebanyakan universiti di negara Arab Saudi menamakan istilah ini sebagai salah satu subjek yang wajib dipelajari oleh pelajar-pelajar di sana. Mereka mempelajari teknik-teknik dakwah yang berkesan seterusnya belajar menjadi seorang pendakwah yang berkaliber dengan menerapkan unsur-unsur kesenian dalam berdakwah.

Nasr El-Din berpendapat bahawa istilah ini bukan sekadar membawa maksud sedemikian, bahkan ia bersifat lebih luas lagi. Hal ini disebabkan istilah kesusasteraan pada hakikatnya melingkupi seluruh aspek kehidupan manusia.

3. Kesusasteraan dalam kalangan para pemuda Islam

Istilah ini lebih bersifat umum dan ia lahir setelah berlakunya penjajahan unsur-unsur barat dalam diri pemuda – pemuda muslim pada zaman sekarang. Kebanyakan unsur ini bersifat negatif dan menyalahi ajaran agama Islam. Hakikatnya, kecantikan

adab yang ada pada seseorang pemuda akan menunjukkan kecantikan agama Islam itu sendiri berbanding agama – agama lain di atas muka bumi ini. Justeru, berdasarkan intisari kefahaman sastera Islam seseorang itu boleh membezakan sesuatu yang baik dan yang buruk dalam hidup mereka.

4. Kesusasteraan agama

Istilah ini telah wujud semenjak zaman Yunani dan Rom yang masyhur dengan banyak hasil karya sastera. Ia bermaksud sebarang hasil karya sastera yang berkaitan dengan agama. Jika dilihat dari segi perspektif Islam, martabat sastera itu tidak akan berubah dari tinggi ke rendah kedudukannya, sebaliknya martabat sastera itu diangkat ke makam yang tinggi, yang lebih mulia.

Beliau berpendapat sekiranya seseorang itu mahu menggunakan istilah kesusasteraan Islam ataupun mengIslamisasikan sastera, mereka mestilah memasukkan unsur-unsur Islamik yang merangkumi semua aspek tidak hanya sekadar akidah dan juga ibadat dalam setiap karya yang dihasilkan.

5. Kesusasteraan dalam Aqidah Islam

Dalam konteks aqidah, kesusasteraan itu adalah sesuatu hasil karya yang berkisarkan mengenai akidah Islam sahaja. Istilah ini tidak digunakan oleh agama – agama lain kecuali Islam. Justeru, setiap sasterawan yang mahu menghasilkan karya yang berkaitan aqidah, mestilah memberi penekanan tentangnya dalam karya yang akan dihasilkan. Hasil karya tersebut juga mestilah jauh dari unsur-unsur khayal, perasaan dan sebagainya.

6. Kesusasteraan dalam akhlak

Nasr El-Din berpendapat kesusasteraan Islam itu berkait rapat dengan pembentukan akhlak dan budi. Hal ini berkesinambungan dengan bidang kesusasteraan yang berkembang luas dan tidak terhad dalam aspek – aspek yang tertentu sahaja. Kesusasteraan Islam mementingkan nilai – nilai serta etika yang mulia dengan menyeru manusia supaya berbuat baik, saling menghormati antara satu sama lain dan yang sejajar dengan prinsip kesucian agama Islam.

Dengan menghayati nilai-nilai Islam yang diterapkan dalam karya sastera, seseorang itu berupaya mengawal diri daripada melakukan sebarang kegiatan yang tidak bermoral dalam hidup mereka. Implikasinya, masyarakat hidup dalam suasana aman dan damai.

7. Kesusasteraan Arab Islam

Istilah ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu agama dan juga Bahasa. Kita tidak dapat menafikan pendapat bahawa bahasa Arab ialah bahasa pertama yang digunakan dalam kesusasteraan Islam sejak berkurun lamanya. Namun begitu, peredaran zaman sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap dua bahagian penting sastera ini.

Nasr El-Din menjelaskan bahawa seseorang itu tidak boleh melabel hasil karya yang dihasilkan oleh para sasterawan sebagai hasil kesusasteraan Islam mahupun sebaliknya hanya dengan berpandukan bahasa yang digunakan. Hal ini disebabkan wujudnya ramai sasterawan Muslim pada masa kini yang tidak mahir dalam bahasa Arab tetapi masih mampu menghasilkan karya – karya yang bercirikan Islam, yang akhirnya

berjaya memberi kesan kepada orang awam yang membaca. Beliau juga berpendapat bahawa kebanyakan hasil karya kesusasteraan yang dihasilkan oleh orang Arab dan menggunakan bahasa Arab tidak semestinya mempunyai unsur Islam padanya. Ada antaranya yang bersifat unsur – unsur keduniaan, nafsu, cinta kepada insan dan sebagainya.

Beliau percaya, kesusasteraan Islam boleh dikomersialkan ke seantero dunia sekiranya sekiranya para sasterawan dan golongan beliau ini memajukan diri mereka dengan inisiatif saling berhubung dan membina jaringan antara satu sama lain hatta berlainan bahasa dan budaya.

HUBUNGAN ANTARA KESUSASTERAAN DAN AQIDAH ISLAM

Nasr El-din menekankan bahawa hasil karya sastera yang baik dan telus itu bermula dari jiwa (unsur dalaman) yang bersih. Jiwa akan menjadi bersih apabila terhias padanya aqidah (kepercayaan) yang benar dan sejahtera. Sastera merupakan salah satu penghubung untuk menggambarkan perasaan secara natura yang dialami manusia. Berpandukan agama akan menjadikan seorang sasterawan itu berkarya dalam ruang lingkup kebaikan bagi mencapai tujuan asal iaitu Tuhan. Begitulah kedua-dua unsur aqidah dan sastera ini saling berkait.

Sastera yang paling tinggi makamnya apabila mampu membawa pembacanya menghayati diksi yang tersusun dalam baris-baris karya yang indah dengan kembali kepada Pencipta Yang Maha Mencipta dan Maha Memiliki Keindahan.

Kesusasteraan dan kesenian ialah dua unsur keindahan yang tidak dapat dinilai konkrit. Dua unsur ini bersifat subjektif, menjadi keperluan untuk ditunjangi agama yang berpaksikan kemuliaan akhlak dan keelokan budi. Pendapat ini menyokong pendapat seorang penulis Parsi yang terkenal, Joyo. Beliau mengatakan bahawa unsur – unsur akhlak yang ada dalam hasil karya seni melambangkan kecerdikan seseorang ahli seni itu. Manakala hasil karya yang tidak mempunyai unsur – unsur akhlak, akan dipandang rendah martabatnya sehingga dianggap tidak langsung mempunyai nilai dan tidak berkualiti.

Jelaslah, ikatan antara kesusasteraan dan agama adalah ikatan yang erat tanpa sebarang gangguan. Pendapat ini bertentangan dengan pendapat beberapa pengkaji sastera yang mengatakan ikatan antara kedua-duanya adalah ikatan yang longgar, tidak erat dan sebagainya. Hal ini adalah disebabkan kesusasteraan itu berpegang kepada tatatertib dan kesopanan seseorang insan.

Komitmen Kesusasteraan Islam

Islam ialah agama syumul yang menuntut kesemua penganutnya memenuhi komitmen dan kewajiban sebagai seorang Muslim yang taat pada hukum yang ditetapkan. Adapun komitmen ini tidaklah bertujuan untuk membebaskan, walhal untuk mendidik Muslim menjadi seorang manusia yang amanah, bertanggungjawab di samping menyemai sifat syukur dalam diri. Selain itu, komitmen dalam menjaga agama juga

bertujuan untuk menjaga masalah dan memelihara nilai-nilai murni yang dibangunkan oleh agama Islam ini sendiri khususnya.

Dari sudut pandang Nasr El-Din, beliau melihat bahawa bidang kesusasteraan Islam ini ialah satu bidang yang tidak dapat dipisahkan dengan komitmen, merujuk kembali kepada agama Islam, yang merupakan agama yang menuntut komitmen. Persoalannya, komitmen yang bagaimana diperlukan dalam bidang kesusasteraan Islam ini?

Bagi menjawab persoalan tersebut, Nasr El-Din menjelaskan hal tersebut dengan mengkategorikan kepada tiga bahagian penting yang berfungsi untuk menzahirkan komitmen yang dikehendaki dalam bidang ini.

1. Komitmen Sasterawan

Bahagian yang pertama ini merujuk kepada sasterawan yang beragama Islam, atau sasterawan muslim. Jika disebut Muslim, sudah tentulah yang dimaksudkan itu ialah mereka yang beriman dengan Rukun Iman dan Rukun Islam, tidak kiralah mereka berkecimpung dalam bidang apa sekali pun. Penting untuk diintrospeksi, peranan sasterawan muslim ini adalah untuk menghasilkan karya yang mempunyai nilai-nilai baik yang dianjurkan Islam. Juga, golongan inilah yang berperanan untuk menapis kembali karya-karya pincang dan songsang, lalu menyadurnya dengan unsur-unsur Islam.

2. Komitmen Karya/Teks

Tidak dinafikan, banyak hasil karya di seantero dunia ini yang didapati mempunyai unsur-unsur Islam, dari segi nilai yang dipaparkan dari watak-wataknya, atau bait-bait puisi yang sarat dengan puji-pujian kepada Pencipta alam, atau juga dengan tulisan-tulisan sastera yang penuh dengan teladan, sedangkan kesemua karya seperti yang dinyatakan tersebut ditulis oleh sasterawan yang bukan Muslim. Inilah yang dimaksudkan bahagian kedua ini. Karya yang memperihalkan komitmen yang bercirikan Islam.

3. Komitmen Sasterawan dan Karya/Teks

Manakala bahagian ketiga ini menggabungkan peranan kedua-dua bahagian tadi; sasterawan Muslim yang menghasilkan karya bercirikan Islam. Sudah tentu, yang ketiga inilah yang paling baik, bermutu tinggi lagi berkualiti!

KESUSASTERAAN ISLAM MELALUI KONSEP PENCIPTAAN ALAM SEMESTA, KEJADIAN MANUSIA & MASYARAKAT⁵

Perbincangan Nasr El-din seterusnya adalah mengenai tiga cabang penting yang berkaitan kesusasteraan Islam. Lebih tepat lagi, tiga cabang ini menyumbang nilai dan pengajaran yang berkualiti yang menghubungkan antaran kesusasteraan Islam dan kehidupan.

1. Penciptaan

⁵ Nasr el Din Ibrahim Ahmad Husein, 2005, *Al adab al Islami: Al Itor wa al Manhaj*, International Islamic University Press: Kuala Lumpur, pp, 265-326.

Sesungguhnya keupayaan untuk mencipta adalah salah satu kekuasaan Allah Taala. Sepertimana yang termaktub dalam Al-Quran, sarat di dalamnya ayat-ayat yang menceritakan keseimbangan dalam setiap kejadian, bermula dengan kejadian di langit dan bumi. Antaranya ialah:

(وَلَقَدْ رَزَقْنَا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصَافِحَ جَوْمًا لِلشَّيَاطِينِ)⁶

Sesungguhnya ciptaan Allah Taala itu istimewa dan sukar untuk digambarkan keindahannya dengan kata – kata. Justeru, setiap dari kita mestilah menghargai setiap kejadian ini dengan memelihara dan memulihara setiap kejadian dan keindahan. Sesungguhnya Allah bersifat indah dan itu amat menyukai keindahan.

Setiap tindak tanduk makhluk kesemuanya adalah dengan kehendak Allah dan selari dengan ketetapan-Nya. Apabila dilakukan usaha untuk membaik pulih, ini bermakna secara tidak langsung ia menjadi aspirasi para sasterawan dengan menjadikan alam semesta sebagai platform dalam menghasilkan karya.

2. Manusia

Untuk lebih memahami fungsi dan peranan topik yang berhubung kait dengan manusia, Nasr El-din telah merujuk beberapa potongan ayat – ayat Al-Quran yang memaparkan kisah tauladan. Antara kisah yang dipetik beliau ialah kisah Nabi Ismail Alaihissalam. Secara jelasnya kisah ini menunjukkan kepentingan dalam kedua-dua ibu bapa sepertimana Nabi Ismail patuh akan segala nasihat ayahandanya Nabi Ibrahim Alaihissalam, demi kebaikan diri baginda dan keimanan kepada Allah SWT yang terutama. Kontradiksi dari kisah Nabi Ismail ini juga dibentangkan dalam Al-Quran. Itulah kisah anak Nabi Nuh yang menderhakai ayahandanya dan enggan beriman kepada Allah.

Di samping Al-Quran sebagai rujukan utama, beliau juga merujuk kepada beberapa contoh syair arab lama dan syair arab baru seperti hasil karya Nabighah Al-Ju'di yang menceritakan peringkat- peringkat kejadian manusia.

Kesinambungannya, beliau meringkaskan beberapa fakta penting yang turut mempunyai kaitan dengan kesusasteraan Islam seperti:

2.1 Kesempurnaan dalam hasil karya yang menceritakan bahawa insan itu umpama jasad dan roh. Dalam hal ini, aspek kerohanian (roh) perlu diberi perhatian yang lebih disebabkan pentingnya unsur ini untuk menghadapi dunia pada era milenia masa kini bertunjangkan asas Islam yang berakar umbi dari dalam.

2.2 Memperbaiki pola pemikiran manusia, mendidik, dan menjauhkannya dari anasir-anasir negatif yang menggambarkan manusia itu seperti haiwan yang disifatkan lebih mementingkan nafsu syahwat dalam kehidupan.

⁶ Surah Al-Mulk, (67: 5)

2.3 Para sasterawan menghasilkan karya- karya bertujuan mempertahankan sifat kemanusiaan dan juga sifat semula jadi. Hasil karya ini menggunakan gaya bahasa yang jelas, fasih dan penuh kreatif yang bergantung kepada daya kemampuan dan bakat yang ada pada seseorang sasterawan itu.

2.4 Menerangkan fungsi – fungsi utama dan pengkhususan setiap sifat manusia dengan alternatif taqwa dan ibadah yang mendorong ke tahap orang-orang yang soleh dan berintegriti.

2.5 Menggambarkan kesempurnaan diri seseorang dan bahagian-bahagiannya dalam lingkungan masyarakat yang berhubung kait dengan kehidupan secara umum mahupun secara khusus.

2.6 Menggambarkan setiap kesalahan yang sering dilakukan oleh manusia, disusuli dengan taubat dan memohon keampunan dari Allah SWT.

3. Masyarakat

Dalam perbincangan cabang yang terakhir ini, Nasr El-din memfokuskan ikatan kesusasteraan dan masyarakat. Beliau bersetuju dengan Najib Al-Kailani yang mengatakan bahawa,

“sesungguhnya ikatan kesusasteraan Islam dan masyarakat adalah sebuah ikatan yang kuat dan erat. Ikatan ini tidak boleh dipisahkan sama sekali. Kesusasteraan itu tidak memandangkan masyarakat itu berdasarkan pandangan bersifat negatif tidak kira masyarakat itu sering melakukan kesalahan dan dalam kesesatan...”⁷

Justeru, untuk mengembalikan masyarakat yang terpesong dari landasan sebenar ialah peranan para sasterawan. Mereka berperanan untuk menerangkan kepentingan dalam membahagikan antara tuntutan dunia dan juga akhirat serta mengamalkan cara hidup berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah yang dibawa oleh agama Islam. Jika mereka dapat melaksanakan tanggungjawab ini dengan sebaiknya, tidak mustahil golongan yang tersesat ini berpotensi menukar gaya kehidupan mereka kepada kehidupan yang lebih baik daripada sebelumnya.

Di samping itu, beliau juga menyenaraikan beberapa kretiria yang khusus yang memberi impak secara terus dalam kehidupan sesebuah masyarakat Islam. Antaranya ialah:⁸

3.1- Akidah dan iman

Setiap umat Islam wajib berpegang teguh kepada Al Quran dan As Sunnah kerana kedua-duanya ialah sumber utama dalam kehidupan seharian manusia. Manusia tidak akan sesekali terpesong dan sesat selagi berpegang teguh kepada kedua-dua sumber ini.

⁷ Najib Al-Kailani, **Madkhal ila Al-Adab Al-Islami**, Muasasah Risalah Press: Qatar, p 16.

⁸ Nasr el Din Ibrahim Ahmad Husein, 2005, *passim*, pp 151-157.

3.2- Keseimbangan dan disiplin dalam tingkah laku

Pada hakikatnya terdapat ikatan yang erat antara individu dan juga masyarakat. Masing – masing memerlukan antara satu sama lain terutama ketika dilanda kesusahan. Sesungguhnya agama Islam menggesa penganutnya berbuat baik sesama manusia dan saling bantu membantu dalam urusan kebaikan.

3.3- Galakan dalam mempertahankan kebaikan

Sesungguhnya masyarakat Islam itu adalah mereka yang saling memberi sokongan antara satu sama lain dalam urusan membuat kebaikan dan menghalang diri daripada melakukan kejahatan. Selain itu, Islam menganjurkan umatnya bersatu padu antara satu sama lain seterusnya menjadi umat mithali yang bukan hanya memikirkan urusan keduniaan bahkan mementingkan urusan akhirat.

3.4- Peranan kesusasteraan Islam dalam masyarakat

Sesungguhnya kesusasteraan Islam mempunyai peranan yang sangat besar dalam kehidupan masyarakat. Ia menyeru kepada akhlak yang mulia dan amalan – amalan yang mulia. Seruan ini secara tidak langsung membentuk masyarakat yang mithali yang selamat dari sebarang anasir – anasir jahat.

3.5- Kepelbagaian bentuk kesusasteraan

Pada hakikatnya, seseorang sasterawan itu tidak boleh terlampau mengutamakan kesenian yang tidak berfaedah sehingga menyebabkan masyarakat lalai dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Hasil karya yang terbaik adalah karya yang mementingkan persaudaraan dan perpaduan. Justeru, para sasterawan perlu menggunakan kaedah kesusasteraan yang pelbagai seperti cerita, teater, esei dan sebagainya semata – mata untuk merealisasikan impian.

3.6- Peranan sasterawan

Sesungguhnya sasterawan itu memainkan peranan yang sangat penting dalam dunia kesusasteraan Islam. Sasterawan Muslim mestilah berpegang dengan ajaran agama Islam ketika menghasilkan karya – karya sasteranya yang berkaitan dengan masyarakat. hal ini bertujuan supaya karya – karya yang dihasilkan dapat memberi manfaat kepada orang yang membacanya.

3.7- Perhubungan sesama masyarakat

Ketika membicarakan topik masyarakat Islam, hakikatnya secara tidak langsung ia berkaitan dengan topik muamalat atau perhubungan sesama insan. Perhubungan ini sangat penting dalam usaha menaikkan taraf kesusasteraan Islam kerana di dalamnya terdapat nilai – nilai pengajaran yang amat berguna untuk manusia. Antaranya ialah taat kepada Allah Taala dan Rasulullah dengan sepenuh keyakinan tanpa sebarang keraguan seterusnya tolong menolong dalam urusan taqwa dan saling ingat mengingatkan balasan setiap kemungkaran yang dibuat

3.8- Berpegang kepada asal – usul

Antara ciri – ciri masyarakat Islam ialah berepegang teguh dengan asal – usul. Sesungguhnya ia adalah asas kepada sesuatu perhubungan. Masyarakat yang masih mengamalkan cara kehidupan sebegini adalah masyarakat yang sempurna dan saling lengkap melengkapi. Dr. Nasruddin berpendapat fenomena ini sama seperti matahari dan bintang- bintang yang diantara keduanya ada malaikat- malaikat.

3.9- Perkembangan dan penyebaran

Kriteria ini adalah salah satu pengkhususan yang ada dalam masyarakat yang Islam. Ini bermakna masyarakat yang ada pada masa kini adalah masyarakat yang mengikut masyarakat zaman dahulu tidak kira dari segi pegangannya, tatasusila, dan sebagainya. Tiada masyarakat dahulu, bermakna tidak akan ada masyarakat zaman kini.

3.10- Menghadapi masyarakat yang jahil

Sesungguhnya Islam itu telah mengalami zaman kejahilan di Mekah.

Justeru, usaha dakwah perlu dilaksanakan untuk melindungi diri daripada sebarang anasir- anasir jahat yang dibawa oleh musuh – musuh Islam. Justeru, karya – karya sastera memainkan peranan yang penting dalam menghadapi cabaran – cabaran ini melalui makna yang tersirat disebalik hasil karya tersebut. Usaha ini penting untuk berhadapan dengan masyarakat jahil pada zaman kini dan juga pada masa hadapan.

METOD/KAEDAH KESUSASTERAAN ARAB (KRITIKAN & PENILAIAN)⁹

Perbahasan metod kesusasteraan arab menuntut kepada kajian, bacaan dan pemerhatian yang panjang dan teliti. Dalam pengkhususan ini, Nasr El-Din telah menyenarai dan menjelaskan beberapa metod atau kaedah kesusasteraan arab yang telah dipelopori oleh para pengkaji sastera terdahulu. Kaedah-kaedahnya ialah:-

1. Kaedah politik

Kaedah politik ini pada hakikatnya telah menguasai kaedah-kaedah kesusasteraan yang sedia ada. Ia dilihat lebih relevan dengan scenario pada masa ini. Kaedah politik ini pada asalnya dicipta oleh orientalis – orientalis Barat antaranya ialah Carl Brooklmen.

Menurut Dr. Hamid Buzawainah bahawa ikatan sastera dan politik adalah salah satu unsur yang terdapat dalam ideologi Marxisme. Ini bermakna metod ini adalah metod yang berasaskan fakta dan realiti. Ia juga berperanan sebagai pembaik pulih ideologi yang telah rosak iaitu kaedah yang berdasarkan khayalan dan fantasi.

2. Kaedah persekitaran (penyair dan persekitaran)

Nasr El-Din berpendapat bahawa melalui kaedah ini, kita akan dapat mengetahui peribadi seorang sasterawan itu dari segi penulisan yang dihasilkan. Sastera itu bukanlah semata – mata tulisan sahaja sebaliknya satu noktah pertemuan antara sasterawan dan

⁹Nasr el Din Ibrahim Ahmad Husein,2005, *Passim*, pp, 98-117.

juga realiti. Titik pertemuan ini seterusnya akan menghasilkan karya - karya yang bernilai tinggi, menarik dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

Kaedah ini juga dilihat sebagai salah satu cara untuk menentang ideologi yg bersifat materialistik yang menjadi pegangan oleh ramai sasterawan. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh melupakan kewujudan kepelbagaian dalam bidang sastera itu sendiri.

3. Kaedah Syak Dikarti

Kaedah berorientasikan falsafah ini ialah kaedah yang disebarluaskan secara meluas penggunaannya dalam dunia sastera oleh Toha Hussain. Metod ini berpegang kepada falsafah dan ilmu mantik. Walau bagaimanapun, apabila unsur mantik menguasai dunia sastera, maka ia akan menyebabkan berlakunya kecacatan dari segi kreativiti, originaliti dan juga pengaruhnya terhadap manusia.

Nasr El-Din mengatakan metod ini dihasilkan seolah – olah metod untuk menyuarakan perasaan ketidakpuasan hati dalam kalangan golongan terdahulu terhadap bidang agama dan falsafah pada hari ini. Kedua – dua bidang ini dilihat semakin berkembang dan semakin tersebar dengan luas dari sehari ke sehari berbanding zaman dahulu. Perkembangan ini menandakan bahawa kesusasteraan pada zaman ini dilihat lebih kuat pengaruhnya berbanding zaman mereka.

Di samping itu, kaedah ini dilihat cuba menjatuhkan institusi agama itu sendiri, seperti dengan memisahkan bidang sastera dan agama Islam. Contohnya, mereka tidak menerima ilmu – ilmu yang berkaitan dengan unsur – unsur kenabian. Mereka yakin bahawa ilmu itu adalah hasil daripada pemerhatian dan eksperimen. Kaedah ini dipercayai lahir dari sifat materialisme, cintakan keduniaan dan mengabaikan unsur – unsur kerohanian di dalamnya.

Kaedah ini pada hakikatnya merujuk kepada perasaan syak terhadap sesuatu untuk mendapatkan ilmu dan mengesahkannya. Hal ini bermaksud, jika akal seserorang dapat menerima sesuatu sebagai ilmu maka ia dikira sebagai ilmu, jika tidak mereka akan meninggalkannya walau pada hakikatnya sesuatu itu adalah ilmu.

4. Kaedah kesenian

Kaedah ini ialah kaedah yang dibina berdasarkan tabiat yang terdapat dalam rangka sesebuah karya. Ini bermakna penghasilan sesebuah karya oleh sasterawan adalah berdasarkan sesebuah bidang yang dipelajarinya, sebagai contoh seorang sasterawan itu hanya boleh menghasilkan karya berkisar kesenian sahaja.

Kaedah ini langsung tidak mementingkan nilai – nilai pendidikan, akhlak dalam karya – karya yang dihasilkan, sebaliknya lebih mementingkan unsur kesenian itu sendiri. Kaedah ini menganggap setiap sesuatu itu adalah seni yang tidak terhitung nilainya. Kefahaman seperti ini mengakibatkan seni itu dipisahkan dari agama. Maka, tidak mustahil kebanyakan hasil karya pada ketika ini tidak mempunyai nilai – nilai Islamik di dalamnya sehingga menjadikannya sebagai bahan bacaan ringan biasa dan tidak memberikan sebarang faedah.

5. Kaedah sejarah

Kaedah diasaskan oleh Lanson ini berkisar tentang kejadian yang telah berlaku pada masa yang lalu dan juga kaitan atau kesan- kesannya terhadap kejadian yang berlaku pada masa kini. Ia dihasilkan berdasarkan sejarah yang betul – betul berlaku dan bukan bersifat khayalan atau fantasi semata - mata.

Kaedah ini mempunyai dua unsur yang sangat penting dan tidak dapat dipisahkan antara kedua – duanya. Unsur – unsur itu adalah (ذوق شخصي) yang mementingkan citarasa seseorang sasterawan itu sendiri. Ini bermakna seseorang sasterawan itu menghasilkan pendapat mengenai sejarah berpandukan kefahaman beliau terhadap pendapat – pendapat orang lain. Manakala (ذوق تاريخي) bermaksud sasterawan itu mengambil pandangan tokoh – tokoh sejarah dan menjadikannya sebagai pendapat sendiri.

Walau bagaimanapun, tetaplah kaedah ini mempunyai beberapa kekurangan dan memberi kesan negatif pada sasterawan itu sendiri. Antaranya ialah:

- Sesuatu yang diketahui oleh sasterawan pada hari ini adalah penipuan semata – mata dan tidak lengkap.
- Metod sejarah dilihat tidak mempunyai ikatan yang betul dan ikatan yang kukuh antara satu sama lain.
- Sasterawan lebih mementingkan sesuatu yang tidak penting, manakala sesuatu yang penting adakalanya ditinggalkan. Seterusnya menjadikan sesuatu yang tidak pasti dari segi kesahihannya sebagai sumber rujukan dalam menghasilkan karya.

6. Kaedah penggabungan, pengumpulan peristiwa berkaitan dengan sejarah

Kaedah ini dihasilkan oleh Mustafa Sodiq Ar – Rofi'e. Beliau mengatakan bahawa sejarah kesusasteraan bukanlah sebahagian daripada cabang seni yang bersifat praktikal. Kaedah ini dilihat lebih menceritakan kisah – kisah yang berlaku pada sesuatu zaman dan bukan menceritakan mengenai zaman tersebut. Hasil karya yang dihasilkan mestilah berpandukan sejarah yang tercipta, bukan sejarah berpandukan hasil karya.

Kekurangan kaedah antaranya ialah:

- Kebanyakan maklumat yang diambil berpandukan prasangka semata – mata.
- Mengambil apa yang didengari tanpa merujuk kepada sumber yang sah.
- Kejadian – kejadian yang dijadikan sebagai cerita dilihat ada yang tidak betul.
- Sesetengah kejadian yang berlaku tidak diketahui akan tarikhnya kerana perbezaan tahun yang jauh.

ALIRAN-ALIRAN KESUSASTERAAN MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM¹⁰

Apabila diteliti dan diperhalusi kesemua aliran kesusasteraan ini, tidak dapat disangkal lagi bahawa ia telah muncul dari Barat dan berlanjutan sehinggalah bidang sastera turut sama dipelopori dengan unsur-unsurnya. Walau bagaimanapun, Nasr El-din

¹⁰ Nasr el Din Ibrahim Ahmad Husein,2005, *Passim* pp 118-148.

berpendapat bahawa golongan muslim tidak boleh menolak kesemuanya sekali gus, memandangkan masih terdapat sebahagian isi kandungannya yang mendatangkan kebaikan dalam kesusasteraan Islam. Hal ini secara tidak langsung akan mendorong kepada penambah baikkan dalam kehidupan masyarakat Islam.

Antara aliran yang dibahaskan ialah:

1. Aliran Klasik

Aliran ini dinamakan aliran klasik kerana cenderung mengekalkan tradisi golongan – golongan yang terdahulu dalam proses menghasilkan sesuatu karya. Golongan ini berpegang teguh sepenuhnya dengan tradisi tersebut tanpa melakukan sebarang penambahan, pengurangan atau perubahan.

Dari segi perspektif Islam, aliran klasik ini jelas mempunyai kekurangan iaitu berpegang sepenuhnya dengan warisan – warisan lama secara membuta tuli tanpa mengkaji sama ada ia betul atau salah. Pada hakikatnya Islam tidak melarang ritual dalam hal ini, melainkan dikhuatiri akan melahirkan generasi yang jumud dari segi pemikiran dan tidak mampu melahirkan idea – idea bernas yang baru.

Seterusnya, mazhab ini memberi kebebasan yang mutlak dalam menggunakan akal untuk memahami hasil – hasil kesusasteraan yang sedia ada. Kebebasan ini dilihat berbahaya kerana penggunaan akal secara mutlak tanpa diiringi dengan penggunaan wahyu akan menyebabkan wujudnya kekeliruan dan pada masa yang sama boleh dipengaruhi unsur – unsur nafsu syahwat dalam memahami sesuatu hasil karya sastera.

Di samping itu, aliran ini dilihat hanya memfokuskan golongan elit iaitu golongan bangsawan dan aristokrat sahaja. Kebanyakan karya berkisar kepada kemewahan dan lambang kehidupan. Ia juga dilihat meminggirkan golongan orang bawahan dan golongan miskin. Situasi ini berbeza dengan karya – karya sasterawan Muslim yang tidak pernah membezakan golongan atasan mahupun bawahan. Hal ini adalah disebabkan, Islam melihat manusia di atas muka bumi ini sama sahaja dan tidak mempunyai perbezaan bahkan ajaran Islam itu sendiri menyeru kesamarataan antara manusia. Ini jelas dibuktikan firman Allah:

(إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُمْ)¹¹

2. Aliran Romansi

Aliran ini bermula di Parsi pada akhir kurun ke 18, dan berkembang luas bermula kurun ke -19. Aliran ini dilihat menekankan perasaan yang sedia ada pada diri sasterawan. Para sasterawan Romansi berpendapat bahawa akal manusia hakikatnya tidak mampu untuk menyelediki rahsia di sebalik penciptaan alam semesta. Ringkasnya, aliran ini lebih tunduk atau mementingkan perasaan melebihi unsur-unsur selainnya, dan bersifat individualistik.

¹¹ Surah Al-Hujurat, (49: 13)

Apabila disadur dengan perspektif Islam, tunduk kepada perasaan secara mutlak akan membentuk atau menyebabkan pembentukan haywaniah di dalam diri seseorang. Ia juga boleh memberi kemudaratan dan kebinasaan sama seperti golongan aliran klasik yang mementingkan akal dalam memahami sesuatu hasil karya.

Selain itu, mazhab Romansi berpendapat bahawa akal itu tidak boleh dikaitkan sama kesusasteraan mahupun kesenian. Tetapi, ia boleh dikaitkan dalam bidang selain kesusasteraan contohnya falsafah. Ini berbeza dengan mazhab kesusasteraan Islam yang mementingkan penggunaan logik akal dalam memahami hasil – hasil seni mahupun memahami bidang falsafah. Islam juga mengutamakan perpaduan dan permuafakatan dalam masyarakat. Seseorang itu tidak dapat dipisahkan daripada jemaah atau masyarakat kerana individu itu pada hakikatnya sebahagian daripada masyarakat itu sendiri. Kita dapat melihat sendiri perbezaan hasil – hasil karya mazhab Romansi dengan hasil – hasil karya sasterawan Islam; yang amat mementingkan soal perpaduan sesama manusia.

Seterusnya, mazhab ini dilihat menolak kaedah penafsiran dan penelitian dalam dasar kritiknya kerana semuanya dibuat atas dasar seni berpandukan perasaan semata – mata. Justeru, Islam tidak dapat menerima pendapat ini dengan alasan seseorang itu tidak dapat menilai atau memahami perasaan insan lain dengan tepat dan betul. Hanya individu tersebut boleh mengetahui apa yang ada dalam hatinya.

3. Aliran Realisme

Aliran Realisme wujud sebagai tindak balas aliran Romansi yang terlalu mementingkan emosi dalam proses pengkaryaan. Golongan Realisme berpendapat bahawa ciri – ciri ini telah terkeluar daripada konteks kebenaran dan hala tuju bidang kesusasteraan sendiri yang amat mementingkan realiti semasa dan hakikat kehidupan yang sebenar. Aliran ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada para sasterawan di seluruh dunia sama ada di Eropah, eropah timur, Negara – Negara Arab dan selainnya.

Aliran ini dilihat mendapat tempat di dunia moden pada hari ini disebabkan ia lebih relevan dengan situasi dan fahaman politik semasa. Bahkan golongan yang berfahaman sebegini menggunakan setiap perkara yang berkaitan dengan fenomena semasa sebagai sumber utama dalam menghasilkan karya – karya kesusasteraan. Kebanyakan hasil karya yang dihasilkan memaparkan fahaman dan ideology mereka demi kepentingan mereka dalam bidang politik. Golongan aliran ini juga dilihat cuba memisahkan sastera dan unsur- unsur perasaan seterusnya menentang sepenuhnya golongan Romansi.

Sedangkan, sastera Islam tidak dapat menerima pendapat ini kerana padanya setiap karya yang dihasilkan tanpa kewujudan unsur – unsur perasaan akan menjadi sesuatu yang tawar, mendatar dan aneh. Ia dilihat seolah – olah seperti tulisan berbentuk akademik atau falsafah. Seterusnya, para pembaca juga tidak dapat membezakan antara hasil karya berbentuk sastera ataupun sebaliknya. Hakikatnya, sastera itu tidak dapat dipisahkan dengan unsur khayalan dan perasaan kerana kedua – duanya ialah sebahagian dari sastera.

Aliran ini juga dikritik berkecenderungan melemahkan dan menjejaskan keindahan dan kecantikan bahasa persuratan kerana karya – karya kesusasteraan amat dominan dalam mempengaruhi pemikiran manusia. Hal ini berdasarkan betapa golongan ini amat mementingkan penggunaan bahasa perbualan seharian atau bahasa daerah bagi sesuatu tempat (loghat atau dialek) dalam setiap karya yang dihasilkan.

Seterusnya, Islam melihat fahaman Realisme ini bukan sekadar aliran kesusasteraan bahkan menyerupai fahaman berbentuk materialistik yang dipelepori oleh golongan Yahudi, Karl Marx. Islam memandang sastera itu boleh rosak keindahannya dari segi peranan dan fungsi seandainya ia dikaitkan dengan mana – mana ideologi hasil pemikiran manusia.

Mazhab ini juga dilihat mempunyai unsur – unsur mewujudkan kebencian dan permusuhan antara golongan bawahan dan golongan atasan. Fenomena ini sangat ditentang dalam Islam kerana ajaran Islam itu menyeru kepada persefahaman dan perpaduan sesama manusia. Bahkan inilah seruan yang terdapat dalam karya – karya sastera Islam yang tidak melihat kepada konsep perkauman atau kesukuan tetapi umat secara keseluruhan.

4. Aliran Seni Untuk Seni

Aliran seni untuk seni tercetus akibat ketidakpuasan hati dengan peranan yang dimainkan oleh golongan Realisme. Dalam bahasa Arab, aliran ini digelar mazhab Al- Jamaliah, yang bererti kecantikan (aliran yang mementingkan kecantikan).

Pada hakikatnya, Islam menentang dan tidak mengiktiraf sifat utama iaitu ‘sifat berlebihan‘ dalam menggambarkan sesuatu perkara. Relevannya, ia dibimbangi kelak membentuk sifat tamak dan pentingkan diri sendiri sehingga membunuh kecantikan sesuatu kesenian. Seterusnya, aliran ini dilihat cuba memisahkan sastera dan sebarang pengajaran yang membawa kebenaran kepada manusia. Ini adalah disebabkan oleh penumpuan terhadap kecantikan luaran tanpa mengendahkan maksud dalaman yang tersirat didalamnya.

Seterusnya, sasterawan beraliran ini dilihat mesti bebas daripada ikatan akhlak. Ia perlu bebas mentaahir dan perlu memisahkan diri daripada batasan akhlak dan kesopanan masyarakat. Fahaman ini tidak ubah seperti golongan Atheis yang percaya kepada kewujudan jasad manusia tetapi menafikan nilai dan peranan roh di dalamnya. Justeru, penafian peranan sasterawan yang unik bukanlah satu amalan kesenian yang benar dan tepat. Islam berpendapat setiap sasterawan harus diberi kebebasan berkarya dengan mementingkan unsur luaran atau dalaman selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip kebenaran.

Disamping itu, mazhab ini dilihat tidak mempunyai pendirian yang jelas dalam memerangi unsur negatif dan unsur positif dalam setiap hasil karya. Ini disebabkan kejahatan dan kebaikan pada kaca mata mazhab ini tidak ada bezanya kerana apa yang penting ialah keseronokan dalam berkarya dan menghayati karya tersebut. Mengikut pandangan Islam, syarat yang paling utama dalam pemilihan karya terbaik ialah karya yang mempunyai keserasian antara faktor luaran disamping prinsip akidah dan nilai akhlak yang terkandung dalam hasil karya.

5. Aliran Simbolisme (Perlambangan)

Aliran Simbolisme ialah aliran kedua yang turut menentang fahaman yang dibawa oleh aliran Realisme. Bermula pada kurun ke – 19, aliran ini menampilkan prinsip dan kaedah kritikan yang berbeza dengan aliran-aliran yang sedia ada sehingga diiktiraf sebagai aliran paling utama.

Menurut perspektif Islam, kemunculan aliran Simbolisme ini adalah untuk menentang segala pendekatan dan bentuk mazhab – mazhab sastera yang muncul sebelum ini. Mazhab ini berpendapat bahawa semua mazhab yang dihasilkan sebelum ini tidak menepati kehendak sastera yang sebenar. Golongan aliran ini sering menghasilkan hasil karya yang sukar difahami oleh orang lain. Bagi golongan ini, hanya mereka sahaja yang boleh memahami makna yang tersurat dan tersirat disebalik karya yang dihasilkan.

Islam berpendapat bahawa penggunaan bahasa yang jelas tanpa menggunakan simbol akan menyebabkan hasil karya itu tidak mempunyai nilai – nilai kesusasteraan atau kesenian. Seterusnya, aliran simbolisme ini telah merosakkan bahasa sastera lantaran ia beranggapan sesuatu itu perlu dihuraikan dengan menggunakan perumpamaan yang jauh dan simbolik. Hakikatnya, sastera seharusnya dihasilkan dalam bentuk yang indah dan mudah difahami oleh orang ramai, tambahan pula tabiat manusia secara fitrah tidak suka kepada kesukaran dalam setiap perkara yang dilakukan. Ia sejajar dengan ajaran agama Islam yang bersifat jelas dan mudah untuk difahami oleh makhluk seluruh alam.

6. Aliran Surealisme

Kemunculan mazhab ini sama seperti mazhab – mazhab yang lain, lahir akibat kesan dan tekanan semasa dan masalah yang timbul dikalangan masyarakat disamping kesan – kesan daripada fahaman – fahaman yang baru muncul.

Dari sudut pandangan Islam, mazhab ini dilihat menolak unsur – unsur negatif dan mengambil unsur – unsur positif yang ada dalam setiap hasil karya dalam mazhab – mazhab yang lain. Setiap unsur positif akan dijadikan sebagai panduan dalam menghasilkan karya yang bermutu.

Disamping itu, mazhab ini hakikatnya berpegang kepada pemikiran yang salah dan sesat dengan berpegang kepada pendapat ahli psikologi Yahudi iaitu Freud dalam mengkaji psikologi manusia. Beliau dalam kajiannya mengatakan bahawa manusia itu adalah binatang yang berakal. Justeru, beliau memupuk naluri – naluri kebinatangan dalam bentuk hasil seni dan genre – genre kesusasteraan. Islam menyangkal pendapat ini dengan mengatakan bahawa manusia adalah ciptaan Allah paling mulia. Kebanyakan daripada pelajar beliau juga tidak menyetujui pendapat beliau yang sesat ini.

Seterusnya, mazhab ini tidak berpegang dengan asas – asas kesusasteraan dan tidak mementingkan unsur – unsur keindahan dalam setiap karya yang dihasilkan. Hal ini berdasarkan kedudukannya yang salah dan sesat berbanding mazhab – mazhab yang lain. Bagi golongan ini, tidak menjadi kesalahan andai tidak ada orang yang mahu membaca karya – karya mereka, malah niat mereka untuk menghasilkan karya adalah untuk dibaca oleh golongan yang sependapat dengan mereka.

Islam juga melihat kebanyakan karya sastra yang dihasilkan oleh golongan mazhab ini lemah dari segi jalan penceritaan dan penyusunan ayat. Hal ini adalah disebabkan sasterawan mazhab ini menulis karya – karya untuk diri sendiri bukan untuk dibaca oleh orang lain.

7. Aliran Barns

Munculnya aliran ini adalah untuk menentang fahaman yang dibawa oleh aliran Romansi, hasil daripada pengaruh pemikiran dan falsafah. Ia dilihat lebih memfokuskan bentuk sesuatu karya yang dihasilkan berbanding isi kandungan, mahupun keindahan yang terdapat didalamnya.

Jika dilihat dari perspektif Islam, ralat yang begitu ketara pada aliran ini ialah berpegang kepada ilmu falsafah sepenuhnya. Sastra seharusnya menjadi sesuatu perkara yang bersifat bebas dan mampu berdiri dengan sendirinya, tidak terpengaruh dengan mana – mana fahaman atau ideologi aliran-aliran selainnya. Walau bagaimanapun, selagi mana sesuatu aliran itu tidak terdoktrin secara mutlak, maka tidak menjadi satu kesalahan bagi aliran tersebut untuk terpengaruh dengan mana-mana ideologi sekali pun. Bahkan, Islam membenarkan rujukan diambil dari mana – mana sumber selagi ia mendatangkan kebaikan. Berbeza dengan falsafah yang diterapkan pada aliran ini, ia dilihat memfokuskan bentuk luaran berbanding intipati yang ada, yang akhirnya menyebabkan aliran ini gagal mendapat tempat dalam bidang kesusasteraan. Kegagalannya berpunca daripada pendekatannya yang terlalu bergantung kepada teori, berbanding praktikal dalam setiap uji kaji yang dijalankan, sedangkan tidak semua teori boleh disuai padankan dengan praktikal.

ISU PENGAJIAN SASTERA DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN KAEDAH PEMBELAJARAN DI PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI¹²

Nasr El-din secara peribadi telah mengutarakan pandangan beliau dari aspek pendidikan merujuk kepada Negara Malaysia secara khusus. Isu ini dijelaskan mengikut beberapa klasifikasi yang dinyatakan di dalam buku beliau. Dalam fasal keempat buku beliau menghuraikan dua bahagian penting dalam pengajian sastra yang wajar diperhalusi penggiat-penggiat sastra masa kini.

Bahagian pertama membincangkan keperluan dan kepentingan bidang kesusasteraan Islam dalam Negara. Beberapa persoalan pokok diutarakan bagi mengenal pasti sejauh mana proses Islamisasi ilmu pengetahuan dan metodologi pengajaran dalam bidang kesusasteraan arab sudah memelopori dunia pendidikan Negara.

Adapun bahagian kedua pula, tulisan beliau bertumpu ke arah mengangkat nilai sebilangan naskhah yang mengetengahkan perbahasan seputar bidang kesusasteraan Islam. Naskhah-naskhah yang dirensensi beliau ini termasuklah hasil tulisan para ilmuwan terkemuka dari Negara-negara arab. Antaranya ialah; Najib Kilani - Aafaak Al-Adab Al-Islami, Saad Abu Ridha - Al-adab Al-Islami Qadhiah wa Bina', Imaduddin Al-Khalil –

¹² Nasr el Din Ibrahim Ahmad Husein, 2008 (B), **Ishkaliah al Iltizam al-Islami, fi Dau'i al-Qissah al Arabiah al Hadisah: Dirasah Naqdiyah Tahliyah**, International Islamic University Press: Kuala Lumpur, pp, 265-326. pp, 31-44

Madkhal Ila Nazoriah Al-Adab Al-Islami, dan beberapa naskah lain yang tidak kalah kupasan intipatinya.

Kesimpulan

Konsep kesusasteraan Islam mengikut pandangan Nasr El-Din dapat disimpulkan melalui tulisan-tulisan beliau yang sentiasa menjadi rujukan pelajar-palajar dalam bidang ini.

Secara tuntas, konsep kesusasteraan Islam yang dibentuk beliau ini dapat difahami sebagai sesuatu hasil karya asli bersumberkan ajaran agama Islam. ajaran agama Islam itu bermaksud hasil karya sastera yang bersandarkan atau berpandukan Al Q Nasr el Din Ibrahim Ahmad Husein, 2005, uran dan As Sunnah. antara pandangan penting yang dilontarkan beliau ialah tingginya kualiti sesuatu karya yang dihasilkan itu bergantung kepada isi kandungan karya itu sendiri. Hasil karya yang mempunyai nilai-nilai etika dipandang tinggi dalam ruang lingkup masyarakat Islam. Sebaliknya, karya yang bersifat bebas dianggap rendah kualitasnya. Kesusasteraan Islam juga berkait rapat dengan tingkah laku seseorang sasterawan yang menghasilkannya.

Realitinya, kesusasteraan Islam itu bersifat luas, kompleks dan tidak wajar dipandang remeh. Ia juga tidak bersifat jumud, malah sebaliknya bersifat global dan mampu untuk dikembangkan lagi ke peringkat yang lebih tinggi. Sebagai seorang Muslim, wajiblah ke atasnya mengetahui, memahami dan mempertahankannya dari dijajah oleh anasir – anasir hasil doktrin pihak Barat. Anasir – anasir tersebut pada hakikatnya dikhuatiri boleh menyumbang kepada kejatuhan kesusasteraan Islam seterusnya meyebabkan kebobrokan tingkah laku umat Islam itu sendiri.

Rujukan

Al Quran al-Karim.

Nasr el Din Ibrahim Ahmad Husein, 2008 (A), **Al adab al Islami: Dirasah wa Nazariah wa Tatbiq**, International Islamic University Press: Kuala Lumpur.

Nasr el Din Ibrahim Ahmad Husein, 2005, **Al adab al Islami: Al Itor wa al Manhaj**, International Islamic University Press: Kuala Lumpur.

Najib Al-Kailani, **Madkhal ila Al-Adab Al-Islami**, Muasasah Risalah Press: Qatar.

Nasr el Din Ibrahim Ahmad Husein, 2008 (B), **Ishkaliah al Iltizam al-Islami, fi Dau'i al-Qissah al Arabiah al Hadisah: Dirasah Naqdiyah Tahliliyah**, International Islamic University Press: Kuala Lumpur.